



30 Mei 2017  
30 May 2017  
P.U. (A) 157

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2013 (PINDAAN) 2017

### *LABUAN BUSINESS ACTIVITY TAX (EXEMPTION) (NO. 2) 2013 (AMENDMENT) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

PERINTAH CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2013  
(PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 26(1) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pengecualian) (No. 2) 2013 (Pindaan) 2017.**

(2) Subsubperenggan 2(a), (b), (c) dan (d), dan perenggan 3 disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

(3) Subsubperenggan 2(e) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 10 Jun 2013.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pengecualian) (No. 2) 2013 [P.U. (A) 100/2013], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2 dalam takrif “aktiviti yang layak”—

(a) dengan memotong perkataan “perdagangan dalam instrumen fizikal dan terbitan yang berkaitan bagi”;

(b) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) perdagangan dengan syarikat bukan pemastautin dalam mata wang selain mata wang Malaysia bagi produk fizikal dan instrumen terbitan yang berkaitan berhubung dengan—

- (i) petroleum dan produk berkaitan petroleum, termasuk gas asli cecair;
  - (ii) galian;
  - (iii) produk pertanian;
  - (iv) bahan mentah yang ditapis;
  - (v) bahan kimia; dan
  - (vi) galian asas; atau”;
- (c) dengan memotong perenggan (b), (c), (d), (e) dan (f);
- (d) dengan memotong perkataan “dalam mata wang selain Ringgit.”; dan
- (e) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:
- “(b) perdagangan dengan syarikat pemastautin dalam mata wang selain mata wang Malaysia bagi produk fizikal dan instrumen terbitan yang berkaitan berhubung dengan—
- (i) petroleum dan produk berkaitan petroleum, termasuk gas asli cecair; dan
  - (ii) arang batu.”.